

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Pengerusi Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-229
Bernama
27 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Mukhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir pada Rabu mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-229 di Istana Negara di sini.

Mesyuarat hari pertama itu dihadiri semua Raja-Raja Melayu kecuali Kedah diwakili Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah dan Pahang oleh Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar manakala Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Sabah dan Melaka diiringi Ketua Menteri masing-masing kecuali Sarawak yang diiringi Menteri Perumahan Negeri Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg.

Santapan malam bagi memuliakan Mesyuarat ke-229 Majlis Raja-Raja akan diadakan di Istana Negara malam ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676173